



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جباة خال اءوال اءام اسلام نءراة ساباه

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

19 REJAB 1444H / 10 FEBRUARI 2023M

### KEJAHATAN DIBALAS DENGAN KEBAIKAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 07/02/23

PEGAWAI PENYEMAK :

**ADAM BIN ABDUL HAI**  
Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih.

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 08/02/2023

DIBACA PADA : 10/02/2023

DILULUSKAN OLEH :

**BAHARUDIN H. ALWI**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH PERTAMA**  
**KEJAHATAN DIBALAS DENGAN KEBAIKAN**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ  
وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾ (سورة فصلت (41) : 34)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُرْحَمُونَ .

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“KEJAHATAN DIBALAS DENGAN KEBAIKAN”**.

Setiap manusia tanpa mengira agama, warna kulit, keturunan mahupun bangsa ini pasti akan menerima ujian. Allah SWT menguji manusia untuk mengukur tahap keimanan dan kebergantungan hamba pada Yang Maha Berkuasa. Iman bermaksud keyakinan terhadap kewujudan Allah SWT dengan hati yang dilafazkan dengan kata-kata dan dilaksanakan dengan amalan. Keimanan kita bukan sekadar dinilai berdasarkan

konsisten dalam melakukan ibadah dan meninggalkan perkara maksiat semata-mata. Disebabkan harga iman yang terlalu bernilai, maka ia turut diukur dari sudut kedalaman atau kecetekannya, ataupun dinilai dari sudut kepalsuan atau ketulenannya. Semua ukuran ini hanya dapat diketahui menerusi sikap dan perkataan kita pada saat menerima ujian daripada Allah SWT. Sesuai dengan sabda Baginda yang **bermaksud** :

*“Dan barangsiapa beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, maka hendaklah ia berkata yang baik atau diam.”* **(HR al-Bukhari, 6018)**

Justeru Hadis tersebut menyarankan kepada kita agar sentiasa berbicara baik hatta di saat menerima ujian Allah SWT. Jika tidak, sebaiknya kita memilih untuk diam. Mengapa demikian? Sebab setiap amal baik, sekecil apa pun, pasti akan di balas Allah SWT. Perkataan yang baik tidak saja mendapat pahala dari Allah SWT, tetapi juga secara sosial menciptakan suasana kondusif dalam masyarakat untuk hidup bersama dengan damai dan tenteram. Orang-orang tua kita sering berpesan. "Jangan pernah menyalahkan siapa pun dalam hidupmu. Orang baik memberimu kebahagiaan. Orang jahat memberimu pengalaman. Orang-orang terburuk memberimu pelajaran. Dan orang-orang terbaik memberimu kenangan."

#### **JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,**

Sebagai seorang Muslim, kita dituntut untuk yakin dan beriman dengan Hari Akhirat yang ada padanya hari Perhitungan dan Pembalasan. Setiap amal perbuatan kita di dunia ini ada perkiraan pahala dan dosa yang akan menerima balasan seadil-adilnya. Ini adalah untuk menguji siapakah yang terbaik amalannya semasa kehidupan kita di dunia yang fana ini. Hakikat ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al- Mulk ayat 2 yang berbunyi:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ

**Maksudnya:** *“Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik*

amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat);”  
(QS al-Mulk (67):2)

### HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Dalam kehidupan seharian, kita menghadapi pelbagai karenah manusia yang sangat menguji kesabaran kita. Namun begitu, sebagai seorang yang beragama Islam harus benar-benar menanamkan keimanan yang kukuh agar tidak mudah kita terjatuh ke perangkap Syaitan yang mendorong kita ke arah kejahatan. Allah SWT telah berfirman menerusi ayat yang telah dibacakan pada permulaan khutbah ini yang berbunyi :

وَلَا تَسْتَوِ الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ  
وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

**Maksudnya :**“Dan tidaklah sama kebaikan dengan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, sehingga orang yang ada rasa permusuhan antara kamu dan dia akan seperti teman yang setia”  
(QS Fussilat (41):34)

Ibnu ‘Abbas Radhiyallahu ‘Anhumma menjelaskan mengenai ayat ini dengan mengatakan:

“Allah memerintahkan kepada orang beriman untuk bersabar ketika ada yang membuat marah, membalas dengan kebaikan jika ada yang berbuat jahil, dan memaafkan ketika ada orang yang berbuat jahat. Jika setiap hamba melakukan semacam ini, Allah akan melindunginya dari gangguan syaitan dan akan menundukkan musuh-musuhnya.”

Ibn Kathir juga turut mengulas dengan mengatakan “yang mampu melakukan seperti ini adalah orang yang memiliki kesabaran kerana membalas orang yang menyakiti kita dengan kebaikan adalah suatu yang berat bagi setiap jiwa. Sebagaimana Umar R.A

berkata: "Tolaklah menghukum orang yang melakukan maksiat kepada Allah SWT dalam dirimu sepertimana bila engkau melakukan ketaatan kepada Allah SWT dalam dirinya".

Jika kita memahami dan mengamalkan seperti yang telah disebutkan dengan ayat di atas, maka orang-orang yang menaruh rasa permusuhan denganmu kelak akan menjadi sahabat karibmu iaitu sahabat baik. Yakni, jika engkau berbuat baik kepada orang yang melakukan kejahatan terhadapmu, nescaya kebaikan itu juga yang akan membuatnya untuk bersikap baik kepadamu. Amin ya rabbal 'alamin.

Begitulah ayat ini menjelaskan tentang akhlak seorang Muslim yang patut menghiasi dirinya dengan sifat-sifat mahmudah (yakni sifat terpuji) apabila berhadapan atau berpeluang untuk membalas perbuatan mazmumah (yakni sifat keji) seseorang terhadap kita.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,**

Hidup di dunia ini hanyalah sebentar. Maka hendaknya hidup yang sangat singkat ini kita manfaatkan dengan menyiapkan bekalan demi menghadapi kehidupan yang kekal abadi. Mimbar sekali lagi menyampaikan pesanan agar kita sentiasa berusaha berlapang dada saat diuji dengan perlakuan yang boleh merosakkan keharmonian hidup bersaudara. Andaikata ada sikap yang cuba memutuskan silaturahim, maka sambungkanlah, jika kita dizalimi, maafkanlah. Jika ada mereka yang membincangkan keburukanmu, baik di depanmu atau di belakangmu, jangan dibalas, namun maafkan dan perlakukanlah dengan perkataan yang lembut. Yakinlah dengan balasan Allah SWT pada setiap perbuatan baik mahupun yang jahat akan dihitung serta mendapat balasan setimpal. Janji Allah SWT menerusi firman-Nya dalam surah az-Zalzalah, ayat 7 dan 8:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

**Maksudnya:** "Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!" **(QS az-Zalzalah (99):7-8)**

Mimbar seterusnya mengingatkan supaya kita sentiasa berusaha untuk membalas setiap keburukan dengan kebaikan agar ianya dapat menghasilkan faedah yang lebih besar dalam kehidupan. Allah berfirman dalam surah asy-Syura, ayat 40:

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٤٠﴾

**Mafhumnya:** “Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim.” (QS ash-Shura (42):40)

Menutup khutbah pada hari ini, baru-baru ini dunia dikejutkan oleh gempa bumi yang melanda Negara Türkiye dan Syria. Oleh itu mimbar mengajak para jamaah jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama menghulurkan bantuan sama ada dalam bentuk material mahupun titipan doa buat saudara kita di sana agar mereka diberikan kekuatan, dipermudahkan segala urusan dan diberi ketabahan serta berada di bawah lindungan rahmat Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ  
الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ

وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغِ تَرَاوَتَامِ يَغِ دَقَرْتَوَا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ  
الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS  
Tel: 088-522127/ jheains.penerbitan@gmail.com